

BAB III

3.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji menggunakan metodologi kajian lapangan bagi memastikan semua maklumat dapat dianalisis dengan baik serta mencapai hasil paling tepat. Ini termasuklah proses membuat penyelidikan dan mengumpul data sama ada secara langsung atau tidak terhadap subjek kajian.

Pengkaji menggunakan data primer yang diperoleh melalui edaran borang soal selidik terhadap masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak. Data-data yang diperoleh tertumpu dalam lingkungan kajian berkenaan.

3.1 PENDEKATAN DALAM PEMILIHAN TEMPAT KAJIAN

Bagi menilai pengaplikasian *fiqh al-Hadīth* berkenaan kefahaman, persepsi dan pendekatan interaksi masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq dalam bab keempat. Pengkaji terlebih dahulu menggunakan metode kajian lapangan yang mengkehendaki pengkaji turun padang ke daerah Pengkalan Hulu, Perak bagi mendalami kefahaman, persepsi dan cara interaksi masyarakat Melayu terhadap kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).

Pengkalan Hulu merupakan daerah berkeluasan 367.68 kilometer persegi dengan kapasiti penduduk sekitar 17 000 orang.⁵³⁰ Dari jumlah tersebut, 58 % daripadanya terdiri dari bangsa Melayu, 14 % Cina, 9% India dan 19 % masyarakat Siam dan orang Asli. Ini

⁵³⁰ Ini merupakan hasil banci penduduk pada tahun 2010. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) merupakan banci kelima yang dilaksanakan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963. Banci sebelum ini telah dijalankan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Banci merupakan projek statistik besar yang dijalankan bagi menghasilkan data yang berguna untuk perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara. Lihat laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 13 Mac 2013, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bn.

menjadikan penduduk Melayu adalah penduduk majoriti di daerah tersebut seramai 12 290 dan sesuai dijadikan tempat kajian. (Sila rujuk lampiran)

Faktor dan alasan pengkaji memilih kawasan daerah Pengkalan Hulu, Perak sebagai tempat kajian adalah didorong beberapa sebab iaitu:

1. Bentuk Geografi Dan Muka Bumi Pengkalan Hulu

Pengkalan Hulu (Kroh) merupakan sebuah daerah yang bersempadan dengan dua wilayah, iaitu negeri Kedah dan negara Thailand. Kawasan sempadan kedua-dua tempat dikelilingi kawasan bukit bukau dan gunung ganang. Bukit Berapit adalah kawasan yang bersempadan dengan Thailand, manakala gunung Inas menjadi pemisah antara Kedah dan Pengkalan Hulu.⁵³¹ Pengkalan Hulu ialah kawasan wilayah kecil berhampiran Hutan Simpan Royal Belum dan Tasik Banding di daerah Gerik, Perak.

2. Kewujudan Flora Dan Fauna

Selain itu, kedudukannya 380 meter dari aras laut menjadikan kawasan ini bersuhu rendah dan membentuk pekan di atas kawasan tanah tinggi. Kawasan berbukit menjadi habitat terbaik pelbagai jenis flora dan fauna. Kawasan penempatan penduduk sekitar kaki Bukit

⁵³¹ Sejarah Pengkalan Hulu bermula sebagai pusat pentadbiran Negeri Reman (sebahagian daripada Negeri Patani) yang mana sempadan negerinya adalah Kedah dan Patani. Bagaimanapun, Raja Reman telah menceroboh Klian Intan dan mengusahakan perlombongan bijih timah di situ, sehingga tercetusnya beberapa siri pertikaian dengan Kerajaan Perak dan beberapa perjanjian yang diusahakan antara pihak Inggeris, Siam dan Perak. Pada tahun 1902, Kerajaan Siam telah menghapuskan sistem pemerintahan beraja di Negeri Reman. Setelah itu, Kerajaan Siam telah menyerahkan daerah Hulu Perak kepada Kerajaan Perak. Istiadat penyerahan daerah Hulu Perak dilangsungkan di Kroh pada 16 Julai 1909. Pengkalan Hulu pada dahulunya dikenali sebagai Kroh. Sejarah nama Kroh bermula dengan sebuah sungai kecil yang mengalir melalui kawasan ini. Sungai yang mengalir ini berpuncanya dari sebuah kampung yang bernama Selarong. Selarong bermaksud 'denai gajah' dalam bahasa Arab. Sungai ini menjadi tempat mandi dan berkubang gajah-gajah kepunyaan Raja Reman yang bilangannya menjangkau ratusan ekor. Bagi memudahkan gajah-gajah tersebut mandi, Raja Reman telah memerintahkan agar empangan dibina untuk membendung air. Aliran sungai yang diempangkan itu menjadi sebuah tasik kecil dengan keadaan airnya yang sentiasa keruh. Disebabkan itulah bandar ini telah dinamakan sebagai Kroh pada masa dahulu. Pada 4 Januari 1984, semasa pemerintahan Sultan Perak ke-33 iaitu Almarhum Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallah Shah (Sultan Idris Shah II), baginda telah berkenan memindahkan nama Kroh kepada Pengkalan Hulu kerana tempat ini menjadi tempat persinggahan apabila baginda berangkat ke daerah Hulu Perak. Kini, tinggalan tasik kecil tersebut telah dibangunkan oleh pentadbiran daerah sebagai taman rekreasi yang dinamakan Taman Tasek Takong. Kaitan antara gajah dengan nama Kroh juga telah diabadikan menerusi logo Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan. Lihat laman sesawang Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH), Perak Darul Ridzuan, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.mdpb.gov.my/web/guest/latar-belakang-pengkalan-hulu1>.

Sejuk (ketinggian 2500 kaki dari aras laut) di kampung Kuak Luar dan sekitar Gunung Lang di kampung Kuak Hulu menyimpan habitat sempurna untuk spesies haiwan.

Memandangkan kawasan daerah ini kebanyakkan berbukit dan berhutan, ia masih dijaga dan tidak diterokai. Kawasan-kawasan menarik dalam hutan masih terpelihara dan berfungsi sebagai daya tarikan para pelancong dan penggemar aktiviti lasak.⁵³²

3. Interaksi Masyarakat Terhadap Elemen Persekutaran Dan Geografi

Pengkalan Hulu adalah seluas 367.68 kilometer persegi berkapasiti penduduk sekitar 17 000 orang. Dari jumlah itu, seramai 12 290 adalah penduduk Melayu.⁵³³ 58 % Melayu, 14 % Cina, 9 % India dan 19 % masyarakat Siam dan Orang Asli. Ini menjadikan penduduk Melayu sebagai golongan majoriti dan sesuai dijadikan tempat kajian.

Terdapat banyak kawasan kebun getah, ladang sawit dan estet di pinggir hutan. Malah, aktiviti utama penduduknya ialah menoreh getah dan berkebun samada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi yang bekerja makan gaji. Ini menjadikan pertembungan manusia dengan spesies haiwan fasiq berlaku dengan lebih kerap.

4. Tahap Interaksi Antara Masyarakat Dan Haiwan Perosak

Dahulunya, kawasan daerah ini terkenal dengan kawasan laluan gajah. Namun, di sebalik sejarahnya yang berkait rapat dengan gajah, ia turut mengandungi pelbagai spesies haiwan

⁵³² Antara kawasan rekreasi sekitar daerah Pengkalan Hulu ialah Gunung Lang, Bukit Sejuk, Dataran Gading, Kawasan Perlombongan bijih timah Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd, Taman Tasik Perdana, Tasek, Gua Gendang dan Gua Itik. *Ibid.*, dicapai pada 13 Mac 2013, <http://www.mdph.gov.my/web/guest/pelancongan>.

⁵³³ Ini adalah hasil banci penduduk pada tahun 2010. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) merupakan banci kelima yang dilaksanakan sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963. Banci sebelum ini telah dijalankan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Banci merupakan projek statistik mega bagi menghasilkan data berguna untuk perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara. Lihat laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai pada 13 Mac 2013 http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bn

fasiq seperti tikus, gagak, helang, ular, cicak, kala jengking dan anjing. Penduduk tempatan mengetahui setiap jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut dan sering bertembung dengannya.⁵³⁴

Di kawasan penempatan, jelas wujud habitat bagi haiwan fasiq (haiwan perosak). Majoriti penduduk tinggal di kawasan kampung berhampiran pinggir hutan atau berdekatan kebun getah yang menjadi habitat bagi ular dan kala jengking. Kala jengking suka tinggal di hutan, di bawah batu atau tanah untuk melindungi dirinya dari kehangatan matahari.⁵³⁵ Manakala ular suka tinggal di lubang-lubang dalam tanah yang lembap serta aktif mencari makanan pada waktu siang atau malam.⁵³⁶

Cicak selalunya tinggal di rumah-rumah penduduk atau di tempat terdapat sumber makanan berterusan. Cicak suka tinggal di dalam rumah oleh kerana terdapat banyak mangsa seperti nyamuk dan semut selain selamat untuk bertelur.⁵³⁷ Tikus merupakan haiwan yang pandai beradaptasi dengan persekitaran. Ia boleh tinggal di mana sahaja meskipun di tempat kotor. Di dalam rumah, ia suka tinggal di celah almari, loteng dan bawah tanah. Kebiasaannya, ia akan mencuri makanan pada waktu malam.⁵³⁸

⁵³⁴ Ini berdasarkan pemerhatian khusus pengkaji selama seminggu dan berasaskan pengalaman pengkaji di daerah Pengkalan Hulu yang juga merupakan kampung halaman pengkaji. Pengkaji telah tinggal di sana selama 25 tahun. Pengkaji sendiri pernah menemui semua jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang menjadi sampel kajian.

⁵³⁵ Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, terj. Rosana Hariyanti et al. (Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, 2006), 72.

⁵³⁶ “World’s Deadliest: Snake”, laman sesawang Youtube.com, dicapai pada 10 Mac 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=M93BMbbgnSY>.

⁵³⁷ Steve Parker, *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd, 2011), 22.

⁵³⁸ Akhbar Kosmo, “Bahana Kencing Tikus”, laman sesawang Kosmo Online, dicapai pada 21 Februari 2013, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0404&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke_01.htm#ixzz2LWeZ869l.

Selanjutnya, burung gagak tidak tinggal di hutan, tetapi suka tinggal di kawasan pekan. Ia boleh ditemui di tempat pembuangan sampah dan di kawasan pokok-pokok merimbun di kawasan pekan Pengkalan Hulu.⁵³⁹

Terdapat juga sebuah gunung yang dinamakan gunung Lang yang menjadi habitat pelbagai jenis helang terutama di kawasan kaki bukit. Helang sememangnya suka tinggal di kawasan berdekatan hutan atau di kaki-kaki bukit yang mana menyediakan tempat bersarang yang selamat dan bekalan makanan.⁵⁴⁰

Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) seperti anjing, ia merupakan antara haiwan yang paling mudah ditemui dan pertembungan di antara manusia dan anjing acap kali terjadi tidak kira waktu dan tempat. Anjing kebiasaannya berkeliaran di kawasan pekan dan akan mengejar haiwan yang cuba memasuki kawasannya termasuk manusia.⁵⁴¹

Kesimpulannya, kawasan berbukit bukau, bersuhu rendah, berhutan dan mempunyai kapasiti penduduk yang majoriti bekerja sendiri seperti bertani, menoreh dan bercucuk tanam. Pengkalan Hulu ialah kawasan terbaik untuk dijadikan tempat kajian di mana kadar pertembungan manusia dan haiwan fasiq (perosak) adalah tinggi dan ini menjanjikan hasil kajian yang baik.

3.2 PENDEKATAN DALAM PEMILIHAN RESPONDEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan iaitu menggunakan peratusan tertentu dalam mengambil sampel untuk mewakili jumlah masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak. Sebelum kajian menyeluruh dijalankan, pengkaji melakukan kajian rintis (*pilot test*)

⁵³⁹ Roger Avery et al., *International Wildlife Encyclopedia*, 3rd Ed., (New York: Marshal Cavendish Corps, 2002), 610.

⁵⁴⁰ Michael J. Caduto dan Joseph Bruchac, *Keepers of the Animals* (Colorado: Fulcrum Publishing, t.t.), 54.

⁵⁴¹ Ruth Berman, *My Pet Dog* (USA: Lerner Publications Company, t.t.), 53.

terlebih dahulu untuk memastikan ketepatan soalan dan data yang akan dianalisis. Seterusnya, keseluruhan data-data yang dikumpulkan, dianalisis satu persatu supaya pada akhir analisis nanti dapat difahami dengan jelas berhubung pemahaman, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu terhadap kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak). Selanjutnya, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu akan dapat dinilai keabsahannya menurut sunnah Nabi SAW dalam bab keempat.

Bagi tujuan pemilihan responden, pengkaji membahagikan kawasan kajian kepada dua bahagian, iaitu responden kawasan pekan dan responden kawasan kampung di daerah Pengkalan Hulu, Perak. Dari pemerhatian pengkaji, penduduk pekan lebih banyak terdedah dengan gangguan haiwan yang sukar ditemui di kawasan kampung seperti gagak, tikus dan anjing. Hal ini kerana kawasan pekan menjadi sumber makanan haiwan terbabit di mana wujud tempat pembuangan sampah dan sebagainya.

Manakala di kawasan kampung, pengkaji dapat mengumpulkan data berkenaan haiwan yang sukar dijumpai di kawasan pekan seperti kala jengking, ular, helang dan cicak. Tujuan pengkaji membahagikan kawasan kajian adalah untuk memastikan data yang diperolehi lebih tepat dengan pengkaji hanya memilih populasi responden yang sering berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) dan terdapat pergerakan aktif haiwan fasiq di kawasan tersebut.

3.3 HURAIAN KOMPONEN ASPEK KAJIAN

Borang kaji selidik yang diedarkan pengkaji telah dibahagikan kepada empat bahagian, [Bahagian A]: Latar Belakang Responden, [Bahagian B]: Pemahaman Responden Terhadap Konsep Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) dan Jenis-Jenis Haiwannya, [Bahagian C]: Interaksi Responden Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak), [Bahagian D]: Pemahaman

Serta Pandangan Responden Tentang Interaksi Manusia Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak).

Semua bahagian ini akan mendedahkan latar belakang, tahap pemahaman, persepsi dan pendekatan masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) secara terperinci.

3.3.1 Latar Belakang Responden

Pengkaji telah mengedarkan 400 borang soal selidik kepada golongan responden di daerah Pengkalan Hulu, Perak yang terdiri daripada golongan terpelajar dan masyarakat awam. Jawapan yang diberikan oleh 400 orang responden boleh dianggap mewakili keseluruhan masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak.

3.3.2 Tahap Pemahaman Responden

Aspek ini bertujuan untuk mengetahui konsep dan takrifan responden terhadap haiwan fasiq menurut hadith Nabi SAW.

3.3.3 Interaksi Responden Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Aspek ini penting untuk meneliti pendekatan dan kaedah masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu dalam rangka interaksi dengan haiwan fasiq.

3.3.4 Analisis Data

Pengkaji menganalisis data menggunakan perisian komputer SPSS (*Statistical Packages for Social Science*) versi 12.0. Data-data dianalisis melalui *frequency* (jadual kekerapan) dan

crosstabulation (jadual rujuk silang) bertujuan membantu pengumpulan dan analisis maklumat.

3.3.5 Analisis Realibiliti Kajian

Analisis ini bertujuan menilai kebolehterimaan soalan yang diajukan pengkaji kepada responden. Aspek ini penting bagi menentukan sama ada soalan kaji selidik yang disediakan sesuai dengan kajian dan melepas skala yang ditetapkan.

Jadual 3.0: Analisa Validiti Soalan Kaji Selidik

Reliability Statistic	
Cronbach's Alpha	N of Items
.856	42

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Daripada kajian rintis (*pilot test*) yang dilakukan terhadap 100 orang responden, julat *cronbach's alpha* yang didapati ialah .856. Julat ini lebih besar daripada .6. Jadi, soalan kaji selidik yang disediakan pengkaji boleh diterima dan digunakan untuk kajian.

3.3.6 Analisis Frequency (Kekerapan)

Aspek ini bertujuan untuk mengetahui jumlah atau peratusan jawapan responden secara tepat berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan. Berikut merupakan dapatan yang telah diuji melalui *frequency* (jadual kekerapan).

3.4 BAHAGIAN (A): LATAR BELAKANG RESPONDEN

Satu kajian telah dijalankan di daerah Pengkalan Hulu, Perak memfokuskan kepada dua bahagian iaitu kawasan kampung Selarong dan taman perumahan sekitar pekan Pengkalan Hulu untuk mendapatkan maklumat berkenaan persepsi dan kefahaman masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak). Kajian soal selidik tersebut telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2013.


Dalam kajian ini, soal selidik telah dirangka untuk mendapatkan butir-butir peribadi responden berdasarkan jawapan yang diberikan bagi soalan 1 hingga soalan 5 bahagian A dalam borang soal selidik. Bahagian ini bertujuan memaparkan jantina, umur, status, taraf pendidikan dan pekerjaan responden. (Lihat lampiran borang soal selidik)

Jadual 3.1: Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Umur, Status, Taraf Pendidikan dan Pekerjaan

Latar Belakang Responden		Frekuensi (Kekerapan)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki Perempuan Jumlah	247 153 400	61.75 38.25 100.0
Umur	18 tahun - 29 tahun 30 tahun - 40 tahun 41 tahun - 50 tahun 51 tahun ke atas Jumlah	233 89 16 62 400	58.25 22.25 4.00 15.50 100.0
Status	Belum berkahwin Berkahwin Duda/Janda Jumlah	226 164 10 400	56.50 41.00 2.50 100.0
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah Pondok/Pesantren Sekolah Menengah IPT Dalam Negara IPT Luar Negara Lain-lain Jumlah	59 28 149 139 7 18 400	14.75 7.00 37.25 34.75 1.75 4.50 100.0
Pekerjaan	Kerajaan Badan Berkanun Swasta Bekerja Sendiri Tidak Bekerja Pelajar Jumlah	61 11 120 117 71 20 400	15.25 2.75 30.00 29.25 17.75 5.00 100.0


Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Berdasarkan taburan dalam jadual 3.1, bilangan responden lelaki mengatasi responden perempuan. Jumlah responden lelaki ialah seramai 247 orang (61.75 %) manakala responden perempuan hanya seramai 153 orang (38.25 %). Butiran analisis boleh dilihat pada rajah berikut:-




Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Seterusnya, pengkaji mendapati majoriti responden seramai 233 orang (58.25 %) terdiri daripada mereka yang berumur antara 18-29 tahun. Manakala 89 orang (22.25 %) berumur dalam lingkungan 30 - 40 tahun, 16 orang (4.00 %) dalam lingkungan 41 - 50 tahun dan 62 orang (15.50 %) berumur 51 tahun ke atas. Peratusan terkecil responden adalah dari golongan berumur 41 - 50 tahun sebanyak 4.00 %.



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)


Rajah 3.2: Taburan Responden Mengikut Status



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Rajah 3.2 di atas menunjukkan taburan responden menurut status. Golongan responden yang belum berkahwin mencatat peratusan tertinggi sebanyak 56.50 % (226 orang), diikuti responden yang sudah berkahwin seramai 164 orang responden (41.00 %). Bilangan responden terendah ialah golongan duda dan janda seramai 10 orang (2.50 %).

Rajah 3.3: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan




Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Berkenaan taraf pendidikan tertinggi responden, pengkaji dapat menyimpulkan majoriti responden adalah dari lepasan sekolah menengah seramai 149 orang (37.25 %) diikuti responden lulusan IPT dalam negara seramai 139 orang (34.75 %), responden

lepasan sekolah rendah seramai 59 orang (14.75 %), responden lepasan pondok atau pesantren seramai 28 orang (7.00 %) dan responden berlatarbelakangkan pendidikan lain-lain sebanyak 4.50 % (18 orang). Akhirnya, peratusan responden terendah ialah dari lulusan IPT luar negara sebanyak 1.75 % (7 orang).

Selanjutnya, rajah di bawah menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Majoriti responden terdiri daripada kakitangan swasta seramai 120 orang (30.00 %). Bilangannya tidak jauh berbeza dengan responden yang bekerja sendiri berjumlah 117 orang (29.25 %). Kemudian, diikuti oleh responden yang tidak bekerja seramai 71 orang (17.75 %), kakitangan kerajaan seramai 61 orang (15.25 %) dan golongan pelajar seramai 20 orang (5.00 %). Kakitangan badan berkanun merupakan kelompok terendah seramai 11 orang (2.75 %).

Rajah 3.4: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan



Sumber: Soal Selidik (Okttober – Disember 2013)

3.5 BAHAGIAN (B): TAHAP PEMAHAMAN RESPONDEN TERHADAP KONSEP HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK) DAN HAIWAN-HAIWANNYA

Dalam bahagian B, pengkaji terlebih dahulu menganalisis sampel kajian sebelum melihat hubungkait latar belakang responden ke atas pemahaman masyarakat. Berikut adalah laporan tahap pemahaman masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak terhadap konsep haiwan perosak dan kelompok haiwan-haiwannya dengan merujuk kepada jawapan responden bagi soalan 1 hingga 3 bahagian B dalam borang soal selidik. (Lihat lampiran borang soal selidik)

1. Pengetahuan responden terhadap jenis-jenis haiwan fasiq (haiwan perosak)

Jadual 3.2: Pengetahuan Responden Terhadap Jenis-Jenis Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)


Apakah spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang anda tahu?	Frekuensi (Kekerapan)	Peratusan (%)
Tikus	364	86.7
Kera	216	51.4
Tupai	196	46.7
Burung Helang	116	27.6
Lipas	224	53.3
Musang	120	28.6
Anai-anai	308	73.3
Biawak	148	35.2
Kala Jengking	128	30.5
Anjing Liar	148	35.2
Lipan	104	24.8
Beruang	64	15.2
Penyengat	72	17.1
Harimau	64	15.2
Labah-labah Berbisa	68	16.2
Buaya	68	16.2
Tebuan	88	21.0
Singa	64	15.2
Burung Gagak	112	26.7
Ular	144	34.3
Monyet	108	25.7
Cicak	144	34.3
Kutu	84	20.0
Pijat	100	23.8
Lalat	160	38.1
Nyamuk	116	27.6

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Jadual berikut menunjukkan tahap pengetahuan responden di daerah Pengkalan Hulu, Perak terhadap spesies haiwan fasiq (haiwan perosak). Sebanyak 26 ekor haiwan telah disenaraikan oleh pengkaji dan semua haiwan tersebut telah dipilih oleh responden sebagai spesies haiwan fasiq (haiwan perosak). Ini menunjukkan responden mengetahui dan peka dengan kewujudan haiwan fasiq (haiwan perosak).

Soalan pertama ini disediakan pengkaji untuk mengenalpasti jenis haiwan fasiq yang paling banyak diketahui responden dan sebagai asas sebelum pergi lebih lanjut kepada takrifan haiwan fasiq. Pengkaji telah merumuskan dapatan jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang paling banyak diketahui masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak dalam rajah berikut:-

Rajah 3.5: Taburan Jenis-Jenis Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) yang Diketahui Responden



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Daripada 26 jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang disenaraikan, haiwan yang paling banyak diketahui kewujudannya sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah tikus sebanyak 364 orang daripada 400 orang responden (86.7 %). Kemudian, anai-anai (73.3 %), lipas (53.3 %), kera (51.4 %), tupai (46.7 %), lalat (38.1 %), biawak (35.2 %), anjing

liar (35.2 %), ular (34.3 %), cicak (34.3 %), kala jengking (30.5 %), musang (28.6 %), helang (27.6 %), nyamuk (27.6 %), gagak (26.7 %), monyet (25.7 %), lipan (24.8 %), pijat (23.8 %) dan tebuan (21.0 %).

Manakala peratusan terendah spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang diketahui responden ialah kutu (20.0 %), penyengat (17.1 %), labah-labah berbisa (16.2 %), buaya (16.2 %), singa (15.2 %), harimau (15.2 %) dan beruang (15.2 %). Ini disebabkan pelbagai faktor seperti jarang dijumpai dan tidak sesuai hidup dalam negara beriklim khatulistiwa.

Hasil penelitian turut mendapati tujuh jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) utama yang disabdakan Nabi SAW, semuanya mencatat kekerapan melebihi 100 orang responden bermula dengan tikus (364 orang), anjing liar (148 orang), ular (144 orang), cicak (144 orang), kala jengking (128 orang), burung helang (116 orang) dan burung gagak (112 orang). Ini menunjukkan responden mengenali kelompok haiwan perosak menurut hadith.

2. Pemahaman responden terhadap takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak)

Jadual 3.3: Pemahaman responden terhadap takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak)

Daripada jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang anda ketahui, apakah takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang paling tepat menurut anda?

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	99	24.8	24.8
	2	50	12.5	37.2
	3	146	36.5	73.8
	4	35	8.8	82.5
	5	10	2.5	85.0
	6	49	12.2	97.2
	7	11	2.8	100.0
	Total	400	100.0	100.0


Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Merujuk jadual 3.3, takrifan haiwan perosak paling tepat menurut responden ialah takrifan 3 (*haiwan yang suka melakukan kerosakan dan kemusnahan pada harta benda manusia*) dengan peratusan sebanyak 36.5 % (146 orang). Ini bertepatan dengan data pada rajah 3.5

yang memaparkan haiwan perosak popular di rumah iaitu tikus dan anai-anai sebagai jenis haiwan perosak yang paling banyak diketahui oleh responden.

Ini kemudiannya diikuti oleh takrifan 1 (*haiwan yang suka menganggu kesejahteraan hidup manusia*) sebanyak 24.8 % (99 orang), takrifan 2 (*haiwan yang boleh dibunuh*) sebanyak 12.5 % (50 orang), takrifan 6 (*haiwan yang mengancam hasil ternakan*) sebanyak 12.2 % (49 orang), takrifan 4 (*haiwan yang tidak boleh dimakan*) sebanyak 8.8 % (35 orang) dan takrifan 7 (*lain-lain*) sebanyak 2.8 % (11 orang). Peratusan terendah ialah dari takrifan 5 (*haiwan yang mengancam haiwan ternakan*) sebanyak 2.5 %.

Rajah 3.6: Pemahaman Responden Terhadap Takrifan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

3. Pemahaman responden terhadap hubung kait haiwan fasiq dengan haiwan perosak

Jadual 3.4: Pemahaman Responden Terhadap Hubung Kait Haiwan Fasiq Dan Haiwan Perosak


Adakah anda bersetuju jika dikatakan “haiwan fasiq” yang disabdakan Nabi SAW sebenarnya merujuk dan berkaitan dengan haiwan perosak?

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Ya	317	79.2	79.2	79.2
	Tidak	83	20.8	20.8	100.0
	Total	400	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Meneliti jadual 3.4, sebanyak 79.2 % (317 orang) responden bersetuju haiwan fasiq yang disabdakan Nabi SAW mempunyai kaitan dengan haiwan perosak dan selebihnya 20.8 % (83 orang) responden sahaja tidak bersetuju dan menganggap haiwan fasiq tidak berkaitan dengan haiwan perosak. Hasilnya, peratusan responden yang setuju adalah lebih tinggi.

Rajah 3.7: Pemahaman Responden Terhadap Hubung Kait Haiwan Fasiq Dan Haiwan Perosak



Sumber: Soal Selidik (Okttober – Disember 2013)

3.6 BAHAGIAN (C): INTERAKSI RESPONDEN TERHADAP HAIWAN FASIQ

1. Jenis-jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang sering dijumpai responden

Jadual 3.5: Jenis-Jenis Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) yang Sering Dijumpai Responden

Apakah spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang sering anda jumpai?	Frekuensi (Kekerapan)	Peratusan (%)
Tikus	353	88.2
Kera	199	49.8
Tupai	203	50.8
Burung Helang	105	26.2
Lipas	271	67.8
Musang	116	29.0
Anai-anai	342	85.5
Biawak	131	32.8
Kala Jengking	103	25.8
Anjing Liar	149	37.2
Lipan	129	32.2
Beruang	17	4.2
Penyengat	96	24.0
Harimau	17	4.2
Labah-labah Berbisa	60	15.0
Buaya	17	4.2
Tebuan	123	30.8
Singa	17	4.2
Burung Gagak	150	37.5
Ular	152	38.0
Monyet	153	38.2
Cicak	241	60.2
Kutu	115	28.8
Pijat	135	33.8
Lalat	223	55.8
Nyamuk	169	42.2


Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Jadual 3.5 menunjukkan tahap interaksi responden dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) di daerah Pengkalan Hulu, Perak dengan diuji berdasarkan haiwan fasiq (haiwan fasiq) yang sering dijumpai. Sebanyak 26 ekor haiwan telah disenaraikan dan semua haiwan tersebut pernah dijumpai responden. Ini menunjukkan interaksi responden dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) ada berlaku di kawasan kajian.

Soalan pertama bahagian C ini disediakan pengkaji untuk mengenalpasti jenis haiwan yang sering dijumpai responden dan sebagai asas sebelum soalan berkenaan

kekerapan interaksi dan tindakan responden ketika bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Daripada jadual 3.5 tersebut, pengkaji telah merumuskan dalam rajah 9 haiwan perosak yang paling banyak dijumpai oleh masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak.

Rajah 3.8: Taburan Jenis-Jenis Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) yang Sering Dijumpai Responden Kajian



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Daripada 26 jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang disenaraikan, haiwan yang paling banyak dijumpai oleh responden ialah tikus sebanyak 353 orang daripada 400 orang responden (88.2 %). Ini diikuti oleh anai-anai (85.5 %), lipas (67.8 %), cicak (60.2 %), lalat (55.8 %), tupai (50.8 %), kera (49.8 %), nyamuk (42.2), monyet (38.2 %), ular (38.0 %), gagak (37.5 %), anjing liar (37.2 %), pijat (33.8 %), biawak (32.8 %), lipan (32.2 %), tebuan (30.8 %), musang (29.0 %), kutu (28.8 %), helang (26.2 %), kala jengking (25.8 %) dan penyengat (24.0 %).

Haiwan yang paling kurang ditemui ialah labah-labah berbisa (15.0 %), buaya (4.2 %), harimau (4.2 %), singa (4.2 %) dan beruang (4.2 %). Dengan kekerapan data yang dicatatkan, ini membuktikan interaksi antara manusia dan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sering terjadi terutamanya dengan haiwan perosak rumah.

2. Kekerapan interaksi antara responden dan haiwan fasiq

Jadual 3.6: Kekerapan pertembungan antara responden dan haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam tempoh sebulan

Nyatakan kekerapan anda bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut dalam tempoh sebulan?


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Kurang daripada 2 kali	63	15.8	15.8	15.8
	3 hingga 4 kali	74	18.5	18.5	34.2
	5 hingga 6 kali	63	15.8	15.8	50.0
	Melebihi 6 kali	200	50.0	50.0	100.0
	Total	400	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik (Okttober – Disember 2013)

Berdasarkan jadual 3.6, seramai 200 orang (50 %) bertembung dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) melebihi 6 kali dalam sebulan. Manakala responden yang bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) sebanyak 5-6 kali dalam sebulan seramai 63 orang (15.8 %), 74 orang (18.5 %) bagi 3-4 kali dalam sebulan dan 63 orang (15.8 %) bagi pertembungan kurang dari 2 kali sebulan.

Hasilnya, pertembungan responden dengan haiwan perosak selalu terjadi dan banyak berlaku interaksi antara keduanya. Rujuk rajah di bawah untuk keterangan lanjut:

Rajah 3.9: Kekerapan pertembungan antara responden dan haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam tempoh sebulan



Sumber: Soal Selidik (Okttober – Disember 2013)

3. Keterlibatan pekerjaan responden dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak)

Jadual 3.7: Keterlibatan Pekerjaan Responden Dalam Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)


		Adakah pekerjaan anda terlibat secara langsung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak)?			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Ya	128	32.0	32.0	32.0
	Tidak	272	68.0	68.0	100.0
	Total	400	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Melalui jadual 3.7, sebanyak 68.0 % (272 orang) responden memberikan jawapan pekerjaan mereka tidak terlibat secara langsung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Manakala 32.0 % (128 orang) responden bersetuju pekerjaan mereka berkait dengan haiwan fasiq (haiwan perosak).

Keputusannya, peratusan responden yang tidak setuju adalah lebih tinggi. Hasil dari soalan ini secara tidak langsung turut merungkai pekerjaan responden pada soalan seterusnya.

Rajah 3.10: Keterlibatan Pekerjaan Responden Dalam Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

4. Pekerjaan Responden Dalam Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Jadual 3.8: Pekerjaan Responden Dalam Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Apakah jenis pekerjaan yang sering anda lakukan sehingga memungkinkan pertembungan anda dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) terjadi?


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid					
Valid	Bertani	98	24.5	24.5	24.5
	Bersawah	37	9.2	9.2	33.8
	Menoreh	68	17.0	17.0	50.8
	Menternak Haiwan	21	5.2	5.2	56.0
	Mengusahakan Ladang	48	12.0	12.0	68.0
	Mencari Hasil Hutan	14	3.5	3.5	71.5
	Berniaga	57	14.2	14.2	85.8
	Menjaga Keselamatan	10	2.5	2.5	88.2
	Lain-lain	47	11.8	11.8	100.0
	Total	400	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Berkenaan pekerjaan responden yang memungkinkan pertembungan dan interaksi antara haiwan fasiq terjadi lebih kerap, bertani mencatat peratusan tertinggi sebanyak 24.5 %. Kemudian menoreh (17.0 %), berniaga (14.2 %), mengusahakan ladang (12.0 %), dan lain-lain pekerjaan (11.8 %).

Peratusan terendah ialah bersawah (9.2 %), menternak haiwan (5.2 %), mencari hasil hutan (3.5 %) dan mengawal keselamatan (2.5 %). Walaupun peratusan yang dicatatkan rendah, ia masih memberi petunjuk pertembungan manusia dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh terjadi dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan, lebih-lebih lagi apabila melibatkan penglibatan manusia dengan elemen alam semulajadi yang menjadi tempat tinggal dan sumber makanan spesies haiwan fasiq.

Rajah 3.11: Pekerjaan Responden Dalam Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

5. Tindakan Responden Ketika Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Jadual 3.9: Tindakan Responden Ketika Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Memukul	24	6.0	6.0	6.0
	Membunuh	122	30.5	30.5	36.5
	Memasang perangkap/jerat	25	6.2	6.2	42.8
	Menyembur / Menggunakan racun	133	33.2	33.2	76.0
	Melarikan diri	14	3.5	3.5	79.5
	Mebiarkan sahaja	14	3.5	3.5	83.0
	Memberi peringatan	12	3.0	3.0	86.0
	Menghalau	44	11.0	11.0	97.0
	Lain-lain	12	3.0	3.0	100.0
	Total	400	100.0	100.0	


Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Jadual 3.9 menunjukkan tindakan responden dalam interaksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak). Berdasarkan data di atas, tindakan mengguna atau menyembur racun mencatatkan jumlah tertinggi dengan 133 orang (33.2 %).

Manakala jumlah kedua tertinggi adalah perlakuan membunuh sebanyak 122 orang (30.5 %) seterusnya diikuti perbuatan menghalau 44 orang (11.0 %), memasang jerat dan

perangkap 25 orang (6.2 %), memukul 24 orang atau 6.0 % dan akhirnya perbuatan membiarkan sahaja dan mlarikan diri ketika bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan masing-masing sebanyak 14 orang (3.5 %). Jumlah terendah ialah tindakan memberi peringatan dan lain-lain dengan masing-masing 12 orang (3.0 %).

Rajah 3.12: Tindakan Responden Ketika Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)


6. Tindakan Responden Dalam Membunuh Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Jadual 3.10: Tindakan Responden Dalam Membunuh Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Jika anda membunuhnya, bagaimana cara anda membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut?		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Membakar	17	4.2	4.2	4.2
	Memasang Perangkap	96	24.0	24.0	28.2
	Melemaskan	3	.8	.8	29.0
	Memukul	90	22.5	22.5	51.5
	Menggunakan Racun	68	17.0	17.0	68.5
	Menggunakan Benda Tajam	32	8.0	8.0	76.5
	Membunuh Anak-Anak & Induknya	17	4.2	4.2	80.8
	Memusnahkan Habitat	53	13.2	13.2	94.0
	Menembak	10	2.5	2.5	96.5
	Lain-lain	14	3.5	3.5	100.0
Total		400	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Rajah 3.13: Tindakan Responden Dalam Membunuh Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



Sumber: Soal Selidik (Oktober – Disember 2013)

Merujuk data berikut, peratusan tertinggi bagi cara responden membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah memasang perangkap sebanyak 24.0 % (96 orang). Peratusan kedua tertinggi ialah memukul 22.5 % (90 orang).

Seterusnya, ini diikuti dengan penggunaan racun 17.0 % (68 orang), memusnahkan habitat 13.2 % (53 orang), menggunakan benda tajam 8.0 % (32 orang), membakar dan membunuh anak-anak dan induknya 4.2 % (17 orang), lain-lain tindakan 3.5 % (14 orang), menembak 2.5 % (10 orang) dan melemaskan sebanyak 0.8 % (3 orang).

3.7 BAHAGIAN (D): PEMAHAMAN SERTA PERSEPSI RESPONDEN TENTANG INTERAKSI MANUSIA DENGAN HAIWAN FASIQ

Dalam bahagian D, pengkaji memaparkan tahap pemahaman responden tentang konsep haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam Islam, prinsip dan kaedah interaksi dengannya berpandukan jawapan bagi soalan 1 hingga 27 bahagian D dalam borang kaji selidik. (Lihat lampiran borang soal selidik)

Bagi pilihan jawapan dalam bahagian D, pengkaji telah membahagikan skala jawapan kepada 5 bahagian berdasarkan nombor untuk menilai pemahaman, pandangan dan kelakuan responden dalam interaksi dengan haiwan fasiq iaitu:- *sangat tidak setuju* (1), *tidak setuju* (2), *setuju* (3), *sederhana setuju* (4) dan *sangat setuju* (5). Jadi, jawapan yang diberikan adalah mewakili pemahaman, pandangan dan kelakuan responden.

Bagi responden yang memilih skala jawapan 1 dan 2, ini memperlihatkan responden tidak bersetuju dengan pandangan pengkaji serta tidak melakukan perbuatan yang dinyatakan. Bagi skala jawapan 3, 4 dan 5, ini memperlihatkan responden bersetuju dan ada melakukan perbuatan yang disoalkan pengkaji sama ada secara sedikit, sederhana atau kerap. Berikut merupakan hasil analisis bahagian D:-

1. Haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam terdiri dari tujuh haiwan utama iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing, ular dan cicak


Jadual 3.11: Pemahaman Responden Tentang Jenis-Jenis Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

